

## *Hikayat Nakhoda Muda: Biografi Melayu Abad ke-18*

### *Hikayat Nakhoda Muda: An 18<sup>th</sup> Century Malay Biography*

Norih Taslim

#### ABSTRAK

*Esei ini akan memberi tumpuan kepada sebuah karya biografi Melayu yang terawal, Hikayat Nakhoda Muda yang ditulis oleh seorang Melayu Minangkabau di Bangkahulu sekitar tahun 1766 di atas permintaan Tuan Butter Hunnings, Residen Inggeris di Bangkahulu. Abad ke-18 (malah abad ke-17 – ke-19), adalah abad yang sering di juluk sebagai abad transisi (tradisional-Moden) dalam persejaraan sosiobudaya dan politik Melayu. Periode tersebut diasosiasikan dengan kehadiran dan penjajahan Eropah di dunia Melayu. Dalam bidang kesusasteraan khususnya, period ini menyaksikan berlakunya peralihan dari sudut penaungan, pengkaryaan dan genre sastera Melayu. Genre Biografi dan karya Hikayat Nakhoda Muda, ialah contoh produk yang terhasil daripada pertembungan orang Melayu dengan budaya Eropah tersebut.*

*Kata kunci: Pemodenan, abad transisi, sastera transisi, naratif faktual, genre biografi*

#### ABSTRACT

*The essay will give focus on the earliest biographical work, the Hikayat Nakhoda Muda, written by a Minangkabau Malay in Bangkahulu around the year 1766 on the behest of Mr. Butter Hunnings, the British Resident in Bangkahulu at the time. In the Malay socio-cultural and political history, the 18<sup>th</sup> century (in fact 17<sup>th</sup> to 19<sup>th</sup> century) was nicknamed as the transitional era (Traditional-Modern), associated so to speak, with the European presence and colonialism in the Malay world. In literature particularly, the era witnessed the shift in patronage, authorship and Malay literary genres. The literary genre, the so-called biography and the text Hikayat Nakhoda Muda are examples of the products of the Malay encounter with the European culture during the era.*

*Keywords: Modernism, transitional era, transitional literature, factual narratives, biographical genre*

#### PENGENALAN: PENSEJARAHAN KARYA *HIKAYAT NAKHODA MUDA*

*Hikayat Nakhoda Muda* (berdasarkan MS No.40323, SOAS, Univ. of London, sedang dalam proses untuk diterbitkan) mungkin boleh dianggap sebagai salah sebuah karya Melayu transisi yang terawal; mungkin tertulis sekitar tahun 1788 (Marsden 1830), atau besar kemungkinannya lebih awal (1766) kerana Butter Hunnings yang menjadi penaung penulisan hikayat ini menamatkan jawatannya sebagai Residen di Lais (atau Laye) pada tahun 1788. Hikayat ini tertulis dalam bentuk genre biografi atau riwayat hidup, disebut juga sebagai naratif diri, yakni salah satu genre “baru” yang diperkenalkan pada abad transisi (akan di hurai di bawah). Karya biografi ini meriwayatkan keperihaln perjalanan hidup seorang pedagang Minangkabau di Lampong/Semangka, yang bernama Nakhoda Muda atau Kiai Demang Purwasedana.

Bersumberkan maklumat dalam teks, biografi tokoh ini ditulis oleh La’udin, salah seorang anak Nakhoda Muda yang cerita hidupnya dikisahkan dalam hikayat ini<sup>1</sup>. La’udin dikatakan mengarang hikayat ini di Kuala Pali, sebuah daerah di Lais, Bangkahulu (Benkulen). Bangkahulu adalah sebuah kota pelabuhan dan pusat perdagangan Inggeris yang utama di Selatan Sumatera pada abad ke-17/18; penempatan ini diasaskan Inggeris sejak tahun 1685, selepas Inggeris diusir Belanda dari Bentan pada tahun 1683 (Brown 2003).

*Hikayat Nakhoda Muda*, dengan demikian muncul dalam persekitaran kehadiran awal Barat (Inggeris di Bangkahulu) di dunia Melayu. Dalam persejaraan sastera/budaya, abad tersebut secara longgar dapat dikenal pasti sebagai abad peralihan tradisional-moden<sup>2</sup> yang menyusuli kedatangan hatta kemudiannya penjajahan orang-orang Eropah di rantau ini pada abad ke-17/18 (mungkin di beberapa kawasan lain, lebih awal lagi).

Abad pertembungan Eropah-Timur ini mempunyai dampak yang cukup kuat, bukan sahaja ke atas sistem politik, ekonomi dan sosial negeri-negeri Timur, tetapi juga ke atas pewarnaan budayanya. Dalam budaya Melayu, khususnya kesusasteraan Melayu, pengaruhnya yang menyerlah boleh dilihat daripada sudut peralihan genre (juga kepengarangan) dari jenis lama – ‘cereka fantasi’ atau separa fantasi, ke jenis baru/moden – cereka faktual atau realistik.<sup>3</sup>

Anjakan genre ini untuk ramai sarjana (antara sarjana terawal ialah Skinner, 1978) dikaitkan dengan pemodenan/pembaharuan yang berlaku dalam kesusasteraan Melayu; dan diasosiasikan dengan penyaluran ilmu pengetahuan Barat melalui pendidikan sekular/formal dan disebar melalui alat cetak di dunia Melayu (Maier 1988).

Minat Barat yang pada awalnya bertumpu kepada perdagangan, melebar kemudiannya kepada politik (untuk tujuan monopoli perdagangan) dan seterusnya melunjur kepada budaya tempatan/vernakular. Kecenderungan yang terakhir ini, seperti difahami umum, dicetuskan oleh kebangkitan semangat romantisme (*romantic mood*) di Eropah pada abad ke-18<sup>4</sup>, tetapi besar kemungkinan juga bermotifkan agenda atau kepentingan politik. Lumrahnya, untuk memudahkan penjajahan politik, Barat perlu memahami budaya – bahasa, adat, adab, pemikiran, kepercayaan dan lain-lain.

Kecenderungan ini menyaksikan masuknya sarjana-sarjana Eropah (sesetengah mereka ialah pegawai tadbir dan pendidikan) yang mula berkecimpung dalam bidang kajian bahasa dan budaya tempatan/peribumi (kesusasteraan terutama sekali). Aktiviti tersebut merangsang pertumbuhan budaya ilmu (yang lebih ilmiah) di kawasan-kawasan yang diduduki mereka (biasanya juga pusat-pusat perdagangan kosmopolitan) dan membawa kepada munculnya sejumlah sarjana orientalis yang memunggh hasil-hasil budaya dan kesusasteraan tempatan untuk memahami bahasa, budaya dan pemikiran peribumi.<sup>5</sup>

Mengikut Kathirithamby-Wells (1980) aktiviti orientalis tersebut juga merintis jalan kepada penulisan apa yang disebut sebagai “naratif faktual”<sup>6</sup> dalam kalangan penduduk tempatan hatta membawa kepada pembaharuan atau pemodenan dalam kesusasteraan Melayu.

Keadaan yang sama berlaku di Bangkahulu, antara penempatan Inggeris yang terawal di dunia Melayu. Kedatangan Inggeris telah membawa masuk sekumpulan orientalis ke Bangkahulu

termasuk seorang yang sangat giat dan prolific iaitu William Marsden (menjawat jawatan di Sekretariat Inggeris Bangkahulu 1771-1779) yang bukan sahaja mempelajari bahasa<sup>7</sup> dan kesusasteraan Melayu (termasuk menterjemah *Hikayat Nakhoda Muda*, 1830), tetapi juga mengkaji dan menulis tentang sejarah budaya Sumatera (lihat bukunya, *the History of Sumatera*, 1811). Dalam aktiviti ilmu yang beginilah lahirnya *Hikayat Nakhoda Muda* oleh La’udin.

Mengikut Kathirithamby-Wells (1980:26):

*It is therefore, not surprising that over a century of British presence in the region, their close contacts with the people and their ardent interest in the Malay language should have culminated in the emergence at Benkulen of “the first truly ‘modern’ work in Malay literature” (Skinner 1979) in the form of Hikayat Nakhoda Muda.*

*Hikayat Nakhoda Muda*, adalah sebuah karya biografi<sup>8</sup> disebut juga riwayat hidup atau naratif diri (*self-narrative*) yang mula muncul ke dunia sastera Melayu natijah asimilasi awal budaya Eropah oleh masyarakat Melayu.<sup>9</sup> Bersandarkan kepada tahun karya ini ditulis (selepas 1766 sebelum 1788, lihat Marsden 1830), *Hikayat Nakhoda Muda* mungkin boleh dianggap sebagai karya biografi – naratif diri, malah salah sebuah karya “moden” yang terawal.<sup>10</sup>

Dengan ini jelas bahawa setengah abad sebelum Abdullah bin Abdul Kader Munsyi (yang berkarya dalam tahun-tahun 1840-an) telah ada pengarang Melayu yang menghasilkan karya yang bukan sahaja unik (berdiri sendiri) tetapi juga menyimpang daripada model sastera pada zamannya (lihat Teuku Iskandar 1965: 351; Hadijah Rahmat 2001). *Hikayat Nakhoda Muda* dengan demikian dapat dianggap sebagai pemecah sempadan lama-baru – pemecah tradisi, konvensi, hukum kepengarangan lama, konsep karya dan tuntutan budaya kolektif yang menaungi karya lama.

Malah oleh peneliti Eropah, *Hikayat Nakhoda Muda* dilihat sebagai model penulisan “baru” yang patut dicontohi pengarang Melayu berikutnya. Alfred North contohnya mencadangkan supaya hikayat ini dijadikan contoh oleh Abdullah Munsyi untuk penulisannya (lih. Surat Alfred Lord dalam Skinner 1978: 480-482).

Namun pengaruh Eropah ke atas bentuk kepengarangan La’udin tidak cukup jelas, tidak seperti pengaruhnya ke atas kepengarangan Abdullah Abdul Kader Munsyi. Abdullah bukan sahaja mendapat panduan tentang bentuk karya yang patut ditulisnya di zaman “baru” tersebut daripada teman Eropahnya (terutama Alfred North

di Melaka), tetapi perdampingannya yang akrab dengan Inggeris (termasuk Raffles, Paderi Thomsen, Dr. Milne, Crawford dan malah Marsden) juga amat mempengaruhi pandang alam, sudut pandangan dan pendiriannya (lih. Noriah Taslim 2007) sehingga karya (antara yang terawal *Hikayat Abdullah* dan *Kisah Pelayaran Abdullah*) yang lahir bersifat cukup segar, original (individualistik) dan mencabar.

Namun ini tidak menolak kemungkinan adanya pengaruh Eropah (budaya dan pengetahuan) ke atas La'udin. Mengikuti *Hikayat Nakhoda Muda*, sewaktu adik-beradik La'udin lari daripada penjarahan Belanda (selepas kematian ayahanda mereka, Nakhoda Muda) untuk mendapat suaka Inggeris di Bangkahulu<sup>11</sup> La'udin seperti disebut di atas dikatakan masih agak kecil (lih. nota kaki -1). Oleh yang demikian beliau mungkin sempat belajar daripada orang Inggeris di Bangkahulu atau sekurang-kurangnya bergaul lama dengan mereka untuk menyaksi dan memahami budaya mereka<sup>12</sup>. Tambahan, semasa menulis, La'udin bekerja sebagai jurutulis Inggeris, bermakna beliau memang seorang celik huruf, dan besar kemungkinan mendapat pendidikan Inggeris. Malah gesaan untuk menulis "cerita tentang pengalaman keluarganya" (lih. prolog *Hikayat Nakhoda Muda*) juga datang daripada Residen Butter Hunnings yang sekali gus menjadi penaung pengkaryanya.

Walaupun ditulis di Lais, Bangkahulu, *Hikayat Nakhoda Muda* sebenarnya merakam peristiwa masa silam (sejarah) yang berlaku di Sumatera/Banten pada tahun-tahun 1756-1766, sewaktu Banten berada di bawah kekuasaan Belanda, dan Semangka/Lamong (tempat kediaman Nakhoda Muda) di Sumatera di bawah kekuasaan Banten. Tahun-tahun tersebut (malah lebih awal dari itu) adalah era yang cukup menarik dalam sejarah ekonomi (juga politik) Melayu Nusantara. Era ini menyaksikan penglibatan peribumi – raja dan rakyat, dalam perniagaan lada (dan komoditi lain) yang amat menguntungkan.

Nakhoda Muda adalah salah seorang pedagang lada yang berjaya di Semangka, mempunyai kedudukan yang dihormati (dilantik menjadi perwatin di Lampong-Semangka, kemudian sebagai Demang oleh Sultan Banten) dan perhubungan yang baik dengan Sultan Banten pada ketika itu. Dan kerana Banten pada masa itu adalah di bawah kawalan Belanda di Batavia, maka Nakhoda Muda juga mematuhi perhubungannya dengan Belanda untuk memperlihatkan sikap setia kawannya hatta memudahkan urusan perdagangannya. Pun

kerana perdagangan lada merupakan perdagangan yang direbut oleh pelbagai bangsa di Eropah – termasuk Portugis, Belanda, Inggeris dan lain-lain, maka Nakhoda Muda turut terseret dalam pergeseran kuasa-kuasa besar tersebut sehingga membahayakan diri dan keluarganya (keperihalannya tentang penglibatan peribumi dengan budaya niaga lih. Noriah Taslim 2014).

#### HIKAYAT NAKHODA MUDA SEBAGAI KARYA BIOGRAFI

*Hikayat Nakhoda Muda* mula mendapat perhatian (semasa itu oleh orientalis) apabila teks manuskrip ini di terjemah ke Bahasa Inggeris oleh Marsden dan diterbitkan pada tahun 1830, di bawah judul "*memoirs of a Malayan Family written by themselves*" (mengandaikan ia diriwayatkan oleh beberapa orang anak Nakhoda Muda). Dalam mukadimahny Marsden membuat komen yang menarik tentang teks ini katanya (1830:ii):

*... exhibiting a genuine picture by a native hand...an affordable specimen of simple narrative; a style of which some writers have thought the Malays incapable, and of which is certainly rare in comparison with the romantic and extravagant tales so prevalent amongst these and other eastern people.*

Naskhah yang sama kemudiannya di transliterasi, diberi pengenalan yang panjang lebar dan diterjemahkan ke Bahasa Belanda oleh Drewes (untuk keperihalannya lih. Teuku Iskandar, 1965) kemudiannya diterbitkan pada tahun 1961 dengan tajuk: *De Biografie van een Mingakabau sen Peperhandelaar in de Lampongs (Riwayat hidup seorang pedagang lada Minangkabau di Lampong)*; (untuk kajian-kajian lain lih. Hadijah Rahmat 2001).

Keunikan teks ini seperti yang telah disebut di atas kemudiannya menarik minat Alfred North; dalam suratnya (1840, lih. nota kaki -12) beliau mengakui bahawa teks ini adalah "*a work of deep interest... was an exception*" dalam maksud berbeza daripada teks-teks Melayu yang lain yang dianggapnya sebagai "*silly tales... containing nothing calculated to improve the minds of the people*". Pandangannya secara agak jelas meletakkan karya ini sebagai karya yang berada dalam kelasnya yang tersendiri, istimewa dan terkeluar daripada kelompoknya.

Pandangan Alfred North tentang *Hikayat Nakhoda Muda* di gema semula oleh Abdullah Munsyi (1843); malah teks ini dianggapnya sebagai "sebuah manikam". Di antara segala yang

kotor hikayat-hikayat Melayu, adanya”; saya petik pandangannya untuk tatapan (Abdullah 1843:69):

Kecuali adalah suatu hikayat yang dikarang Encik Allaudin anak Ki Demang dan nama negerinya Semangka. Maka adalah tersebut dalam hikayatnya itu dari hal dirinya dan segala keluarganya dan bagaimana hal kesusahannya sampai ia cerai-berai ke negeri-negeri asing. Maka adalah isi hikayat itu sekalian daripada perkara yang benar dan sesungguhnya yang telah jadi demikian adanya. Maka adalah kami umpamakan hikayat itu seperti sebuah manikam. Di antara segala yang kotor hikayat-hikayat Melayu adanya.

Berdasarkan pandangan Abdullah di atas maka dapat dengan mudah kita rumuskan bahawa *Hikayat Abdullah* dan *Kisah Pelayaran Abdullah* jelas sekali bermodelkan *Hikayat Nakhoda Muda*. Abdullah mungkin membacanya atau mendapat maklumat tentangnya daripada Marsden yang menjadi salah seorang “pelajarnya” (lih. Kathirithamby-Wells 1980).

Namun hanya dalam tahun 1978, *Hikayat Nakhoda Muda* diberi kedudukannya yang lebih pasti. Sewaktu membicarakan tentang abad dan sastera transisi di dunia Melayu, Skinner (1978) tanpa teragak-agak mengenal pasti status karya ini dalam sejarah sastera Melayu. Dalam pemerriannya tentang teks *Hikayat Nakhoda Muda* beliau mendefinisikannya sebagai (1978:481) *The first truly ‘modern’ work in Malay literature*.

Malah pengarangnya, La’udin juga mendapat pengiktirafan yang istimewa, beliau dianggap oleh Johns (1979) sebagai “*a rare bird*” dalam dunia sastera Melayu. Hadijah Rahmat (2001) tanpa banyak soal-balik, mengiktiraf teks ini sebagai salah sebuah karya awal yang dianggapnya “moden”, dan kajian beliau ke atas hikayat ini boleh dianggap sebagai kajian ilmiah yang ulung oleh seorang pengkaji Melayu.

La’udin memang boleh diterima sebagai perintis sastera Melayu moden, dan beliau memang seorang pengarang yang cukup nadir dan istimewa. Dan karyanya mungkin boleh dianggap sebagai “*the first truly modern work*” dalam kesusasteraan Melayu. Semasa membicarakan tentang pemodenan dalam kesusasteraan Melayu Hadijah Rahmat seperti disebut di atas, telah pun memilih *Hikayat Nakhoda Muda* sebagai salah satu kes kajiannya. Beliau telah pun membicarakan teks ini secara rinci dan teliti, termasuk sifat kepengarangannya, ciri-ciri tekstual dan gaya bahasanya dan kemudiannya membandingkannya dengan karya transisi yang lain— termasuk karya Ahmad Rijaluddin (pengarang *Hikayat Perintah Negeri Bengkulu*, lih. Skinner

1982) dan Abdullah Abdul Kader Munsyi. Bab ini dengan demikian hanya akan menyentuh secara khusus biografi Nakhoda Muda sepertimana yang diriwayatkan oleh anaknya, termasuk kemelut hidup pedagang ini dalam karenah budaya niaga abad ke-17/18.

#### ANALISIS TEKS *HIKAYAT NAKHODA MUDA*

Sebagai karya biografi, *Hikayat Nakhoda Muda* meriwayatkan keperihalan hidup (dari awal hingga akhir hayat) seorang pedagang lada berbangsa Minangkabau di Semangka; dikenali sebagai Nakhoda Muda, kemudiannya di gelar Kiai Damang Purwasidana (gelaran yang diberi oleh Sultan Banten sebagai pengiktirafan kepada sumbangannya membantu Sultan Banten dalam peperangan Sultan Banten dengan Ratu Bagus Buang). La’udin menyuratkan dengan tekun dan rinci, kadang-kadang sedikit kritis, seluruh pengalaman manis dan pahit serta penglibatan ayahnya bukan sahaja dalam perdagangan lada yang amat menguntungkan di Semangka dan Banten, tetapi juga dalam karenah politik niaga Sultan Banten dan Belanda.

Seperti yang diperhatikan oleh Anderson (1971 dan Milner 1982), di samping raja-raja Melayu, perniagaan lada memang berjaya memakmurkan sekelompok penduduk tempatan, termasuk di sini Nakhoda Muda dan keluarganya. Namun pelbagai duri dalam jaringannya juga boleh menusuk – fitnah, penipuan, rebutan perdagangan, pemaksaan kuasa (lih. Milner 1982 tentang hal ini). Manusia yang naif tentang kelicikan budaya niaga inilah yang selalunya menjadi mangsa tusukkannya, dan mengikut La’udin, ayahnya, Nakhoda Muda adalah salah seorang mangsanya.

Riwayat tentang dirinya oleh anaknya tentunya tidak terlepas daripada sentimen dan sikap sendeng seorang anak. Maka dalam pelukisan wajah ayahnya, La’udin menampakkan kecenderungannya untuk meletakkan ayahnya sebagai “mangsa yang dianiyai” oleh situasi politik (konflik Belanda-Inggeris, perhubungan Sultan Banten dan Belanda) dan iri hati serta tamak kuasa masyarakat pedagang Melayu dan kelas menengah (contohnya Si Talib dalam Hikayat ini) semasa itu.

Pelbagai masalah dalam perjalanan hidup ayahnya banyak dikaitkan dengan karenah-karenah tersebut. Contohnya: tekanan kuasa Sultan Banten dan Belanda ke atas diri, ekonomi dan perdagangannya sehingga memberatkannya;

tuntutan kesetiaan ke atasnya oleh kedua-dua kuasa tersebut yang mengikat kebebasannya dan dalam banyak hal meletakkannya dalam situasi serba-salah,<sup>13</sup> dan yang lebih runcing ialah komplot jahat Surian Raus dan Alperes Si Talib untuk mencela namanya, justeru memusnahkannya.

Demikian juga dalam pemerian kualiti ayahnya, La'udin banyak menzahirkan sifat-sifat positif bapanya (mungkin Nakhoda Muda memang seorang yang seperti digambarkan anaknya). Nakhoda Muda digambarkan sebagai seorang bapa yang bertanggungjawab: memastikan keselesaan anak-isterinya; menghantar anaknya untuk mendapat pendidikan; melatih mereka berniaga termasuk menyediakan peralatan untuk berniaga. Kita baca keperihal tentang hal-hal ini daripada teksnya (hal. 20 MS):

Maka baginda membuat satu rumah, panjang sepuluh, buka selapan dapa; semua dinding rumah itu kayu jati semuanya sebab maka baginda membuat rumah demikian itu di dalam pikir hati baginda 'jikalau hamba mati tiada anak hamba susah membuat rumah hingga dua puluh musim peninggal hamba mati.' ...Maka baginda membalik perahu dua buah dibawak pulang ke Semangka serta sampai ke Syemangka perahu baginda yang dua itu satu perahu baginda kasihkan kepada anakhanda yang bernama Usub syerta dengan modalnya serta dengan alat senjatanya... Sahidan perahu yang syatu lagi baginda kasihkan kepada anakhanda yang bernama Usul syerta dengan modalnya dan alat senjatanya ...adapun anakhanda yang dua itu telah pandai pada barang pakerjaan dunia ini seperti menyurat dan berniaga syemuanya diajarkan baginda itu. Ada anakhanda dua orang lagi laki-laki, satu bernama Bantan yang satu bernama La'udin itu lagi baginda sarakkan mengaji dan menyurat.

Nakhoda Muda juga ditampilkan sebagai seorang peniaga yang budiman: ia seorang yang jujur, tidak tamak, enggan berhutang dan gigih, sebagai seorang penghulu dan nakhoda beliau mempunyai prinsip diri yang tegas, bercakap benar, sabar, bertanggungjawab dan setia kepada arahan (termasuk membayar denda walaupun tak bersalah). Dan kerana itulah beliau disenangi Sultan dan Belanda. Akibatnya dia di dengki oleh pesaingnya (si-Talib dan Surian Raus), difitnah, dituduh curang (dituduh bersekutu dengan Inggeris – musuh Belanda) dan akhirnya dihukum penjara dan hartanya dirampas.

Kerana sifat-sifat itu jugalah beliau memenangi hati dan mendapat penghormatan pedagang-pedagang Melayu di Lampong/Semangka. Tentang hal ini kata La'udin (hal. 11 MS):

Sahidan Nakhoda Muda mangkin bertambah banyak bicaranya pada segala orang di dalam Semangka itu. Baik Lampong, baik Jawa, baik Melayu semuanya suka kepada Nakhoda Muda itu.

Mereka mendengar cakupnya (lih. peristiwa serangan ke atas puak Abong dan permusuhan Ratu Bagus dengan Sultan Banten), menyebelainya dan sedia membantunya (mengongsi denda yang dikenakan Belanda ke atasnya), rela meninggalkan kampung halaman di Lampong, sanggup bersusah payah dan meredah bahaya, untuk bersama dengannya dalam pelariannya.

Sebaliknya, Belanda dan Sultan kurang mendapat lukisan yang molek daripada La'udin. Ini dapat difahami kerana mereka inilah dilihat sebagai punca kesengsaraan keluarga Nakhoda Muda. Kerana kuasa yang ada pada mereka, mereka diperlihatkan boleh bertindak sewenang-wenang, cepat melupakan jasa dan kebaikan seseorang, sentiasa menganggap tindakan mereka sebagai wajar hatta tidak merasa bersalah walaupun menghukum orang (Nakhoda Muda) tanpa usul-periksa.

Dan Sultan kerana menjadi "boneka" kepada Belanda, langsung tak berani membela Nakhoda Muda, lebih mementingkan keselamatan dirinya sedangkan Nakhoda telah begitu banyak berjasa kepadanya (membantu meredakan serangan Ratu Bagus Buang, memupuskan suku Abong yang mengganas ke atas penduduk Semangka) malah tidak juga mengambil kisah tentang kemelut (dipenjarakan oleh Belanda) yang dihadapi Nakhoda Muda.

Kerana dilayan begitu buruk oleh Sultan dan Belanda, La'udin, menganggap tindakan ayahnya menyerah balik anugerah Sultan Banten (satu persalinan: "kopiuh cabang, baju sakhdad dan syarwal sakhlad, tongkat semambu satu, tombak satu dan keris sebilah, payung besar satu" hal. 25 MS) dan Belanda ("senapang bermata dua dan pistol bermata dua" hal. 25 MS) sebagai tindakan yang wajar dan berani untuk menyatakan sikap dan perasaannya terhadap kezaliman mereka ke atasnya dan juga sebagai tanda bahawa beliau tidak akan lagi berkhidmat kepada mereka. Suara marah/kecil hati ayahnya ini dinyatakan La'udin melalui sepucuk surat yang dihantar ayahnya kepada Sultan Banten dan Belanda (hal. 55 MS):

Adapun di dalam pikir hamba tiada hamba berutang kepada Tuan Sultan atawa kepada Kompeni, meski satu kepeng tembaga tiada hamba berhutang. Adapun di dalam Semangka ini menumpang di tanah Tuan Sultan dan Kompeni, mencari kehidupan hamba dari sekepeng dua kepeng tiada hamba membuat yang salah selama-lamanya. Melainkan hamba mintak ampun, tiada lagi hamba menyembah tuan lagi dan tiada hamba mengadap Kompeni Holanda lagi.

Kritikan langsung ke atas Belanda walaupun tidak cukup tajam namun menyatakan perasaan

La'udin ke atas bangsa Eropah ini yang dianggapnya tidak berperikemanusiaan. Ini dapat dibaca daripada pemerian La'udin sewaktu ayahnya dipaksa membuat rumah untuk pegawai-pegawai Belanda (hal. 33 MS):

Maka Kiai Demang pulanglah ke Semangka membawa Hollanda lima orang dengan perempuan satu. Serta sampai di Semangka diperbuatkan rumah itu. Sekepeng tembaga tiada belanja Kompeni membuat rumah itu, semuanya belanja Kiai Demang, dan segala Melayu di dalam Semangka itu menolong membuat rumah itu serta dengan kampungnya seperti patut. Dan lagi bicaranya koperal itu terlalu keras. Barang apa disuruhnya buat, jikalau lambat, maka sudah pasti dipukulnya. Ada empat orang-orang Melayu dipukul koperal sebab membuat rumah ayam lambat sudah.

Kelicikan Belanda diketarakan La'udin melalui episod penangkapan keluarganya. Ayahnya dikatakan diperdaya sebelum ditangkap dan dipenjarakan di atas kapal bersama semua anak-anaknya (termasuk La'udin). Atas alasan untuk meletakkan tanda perenggan antara tanah Belanda dan Inggeris, Nakhoda Muda dan seorang anaknya diajak Belanda pergi ke Muara Tanda. Setelah selesai, Nakhoda diajak pula singgah ke kapal Belanda, kata kapitan kapal itu (hal. 40 MS):

“mari kita singgah dahulu pada kici hamba ini, kita bermain sejam dua.”

Tanpa mengesyaki apa-apa, Nakhoda Muda bersetuju. Sementara itu anak-anak Nakhoda Muda yang lain juga diperdaya untuk datang ke kici tersebut kononnya untuk menjemput ayahanda mereka. Apabila sampai, mereka disuruh tanggalkan senjata, diletak di suatu tempat dan ditahan dalam kapal Belanda. Niat jahat kapten Belanda ke atas Nakhoda Muda, kemudiannya baru diberitahu. Katanya (hal. 41 MS):

“Adapun Kiai Damang lima beranak ini tiada boleh keluar lagi daripada kici ini, kerana ordi komander Menir Pur menyuruh hamba menjemput Kiai Demang. Itu kerja hamba datang ke Semangka ini.”

Peristiwa seterusnya melakarkan keburukan Belanda seterusnya:

Selepas dipenjarakan, Belanda dikatakan menceroboh rumahnya, merampas semua harta-bendanya dan kemudiannya berkawal di situ untuk memastikan tidak akan berlaku tindak-balas daripada keluarga Nakhoda Muda. Dan mengikut La'udin, di sepanjang masa mereka berkawal di rumah Nakhoda Muda, “pada sehari-hari memotong kerbau sahaja, kerjanya makan-minum bersuka-sukaan pada tiap-tiap hari di dalam kampung Kiai Damang itu”.

Walaupun La'udin ketika itu masih kecil, namun beliau mungkin dapat merasa keperitan

hati keluarganya, sewaktu diperlakukan sebegitu buruk oleh Belanda, dan dapat memahami tindakan mereka membunuh semua Belanda yang memenjarai mereka dan menceroboh rumah mereka.

Keperitan dan kesebalan hati keluarga tersebut diluahkan melalui kata-kata Nakhoda Bujang dan Nakhoda Lela sewaktu cuba meyakinkan ayahandanya untuk mengizinkan mereka menentang Belanda (hal. 43 MS):

“Ayahanda jangan banyak pikir lagi ... kami empat bersaudara ini ini tiada bertanggung lagi dan tiada tertahan lagi hati kami diperbuat orang seperti ini. Daripada hidup baiklah mati. Melainkan kami hendak mengamuk Holanda ini ... Benarlah kata ayahanda jikalau dibawaknya kita ke Bantan dan Betawi atawa Semarang. Jikalau kita dibuangnya ke Pulau Damar, siapa menolong kita? Melainkan membuat tali Holanda kerja kami empat bersaudara ini... siapa tahu apa tanggungan ayahanda diperbuatnya, dan segala saudara kami di mana-mana dibawaknya, siapa tahu diperbuat budak oleh Holanda... adapun ayahanda siapa tahu lagi lama hidup, siapa tahu tiada. Melainkan kami yang empat bersaudara ini yang akan menanggung percintaan seumur hidup. ... tiada nian kami hendak dibawak Holanda. Baiklah mati daripada hidup, daripada menanggung percintaan saumur hidup di dalam dunia ini.”

Peristiwa pemberontakan keluarga Nakhoda Muda - strategi serangan, keberanian dan kesungguhan dan akhirnya kejayaan mereka, mungkin kekal di ingatannya sehingga tarikh ia berkarya. Peristiwa ini mendapat sorotan yang cukup teliti dan menarik dalam hikayat ini (baca hal 41-45 MS).

Sultan Banten, walaupun tidak dilakarkan sedemikian buruk, tetapi tetap mendapat kritikan La'udin. Walaupun kritikan tersebut hanya tampil sekali dalam hikayatnya namun cukup membayangkan rasa jengkel La'udin ke atas fiil Sultan sebagai pembolot yang kejam:

Meski berapa banyak lada datang, Sultan juga membelinya, Syahdan menjual kepada Belanda dua puluh rial satu bahara (dibeli dari pedagang dengan harga 6 rial sebahara)... Jikalau Kompeni membeli sendiri dari perwatin atau nakhoda-nakhoda, tiada jadi jikalau tiada suka Sultan Bantan. Pasti digantung hukumnya jikalau barang siapanya yang membuat perbuatan itu kerana lada itu di dalam suka sultan...

Sementara Inggeris, walaupun diperlihatkan lebih bersikap neutral dan berperikemanusiaan, tetapi ditegur kerana mengambil sikap yang teragak-agak untuk memberi suaka kepada Nakhoda Muda dan orang-orangnya. Dan ini mungkin berpunca daripada polisi mereka yang tak mahu campur tangan secara berlebih-lebihan dalam hal-hwal politik/pertikaian tempatan (terutama yang

melibatkan kuasa Eropah yang lain – Belanda). Nakhoda Muda yang diperlihatkan tersepit di tengah-tengah kuasa ini.

Walaupun menulis atas arahan Inggeris, La'udin tentunya menulis daripada perspektif seorang Melayu yang menyaksikan pergelutan dan kerakusan kuasa asing di negeri Melayu dan juga sudut pandangan seorang anak yang amat bersimpati dengan nasib yang dilalui bapanya. Ia menyaksikan sendiri (atau mendengar dari abang-abangnya; dan banyak hal juga terlibat) pergolakan yang dihadapi dan dilalui bapanya sebagai seorang pedagang biasa (*commoner*) yang amat jujur dan gigih, pun sangat rapuh dan mudah di manipulasi oleh kuasa (Sultan Banten dan Belanda) dan terdedah pula kepada hasad-dengki dan fitnah.

Nakhoda Muda mungkin merupakan contoh seorang peniaga Melayu yang terperangkap bukan sahaja dalam karenah kuasa raja Melayu, tetapi lebih perit terseret dalam krisis persaingan monopoli lada oleh kuasa-kuasa asing – dalam kes ini Belanda dan Inggeris (musuh yang berlarutan). Masalah yang bertubi-tubi menimpa hidupnya (mengalahkan suku Abong, menyediakan rumah untuk pegawai Belanda, membantu dalam perang saudara Sultan Banten dengan Ratu Bagus, mengawal kesetiaan penduduk Semangka) adalah kerana percubaannya untuk mengambil hati Sultan Banten dan Belanda.

Pun kerana adatnya budaya niaga itu, para ketua (perowatin) atau pemegang kuasa akan cuba merebut kekayaan atau menjatuhkan satu sama lain (lih. Milner 1982 tentang fenomena ini), Nakhoda Muda menjadi mangsa tohmahan palsu dan akhirnya (di sebalik segala jasanya kepada Belanda dan Sultan Banten) ia dan keluarganya dipenjarakan, hartanya dirampas kerana dikatakan bersekongkol dengan Inggeris.

Walaupun mendapat jaminan perlindungan daripada Inggeris, namun perlindungan itu datang terlalu lewat, Nakhoda Muda mati dalam pelarian. Akhirnya unit keluarga tersebut berserakan membawa diri lari daripada Belanda. Begini akhirnya digambarkan keperihalan nasib anak-anak Nakhoda Muda (hal. 55 MS):

Syahdan selama peninggal ayahanda itu tiada berketahuan segala anak Kiai Demang masing-masing menaruh percintaan daripada sebab meninggalkan nenggeri Semangka itu. Segala anakanda yang laki-laki berjalan membawakkan untungnya masing-masing pada tiap-tiap nenggeri orang ... di mana nenggeri yang tiada di dalam perintah Kompeni Belanda di sanalah tempat berhenti, laksana burung terbang; di mana ada buah kayu yang masak di sanalah tempat berhenti. Syahdan adalah seperti ayam kehilangan ibu, di mana ada orang yang

kasih dan sayang di sanalah tempat perhambakan diri. Demikian segala anak Kiai Demang selama peninggal baginda mati...

Lebih malang, Sultan Banten sendiri tidak menunjukkan pedulinya (atau mungkin takut atau tak berdaya) untuk membela nasib malang keluarga ini.

Demikian, *Hikayat Nakhoda Muda* merakam kemelut jatuh-bangun sebuah keluarga pedagang Melayu yang terpikat dengan budaya niaga bukan sahaja kerana pesona ganjarannya, tetapi lebih sebagai cara mata pencarian; penglibatan tersebut yang dilakukannya dengan jujur (juga naif tentang perangkap politik yang menantinya), tanpa diduganya, mempergosokkannya ke dalam krisis kuasa dan persaingan perdagangan lada antara Belanda dan Inggeris sehingga akhirnya keluarga ini kecundang sebagai gelandangan/pelarian di negeri sendiri. Nakhoda Muda mati dalam kedaifan dirinya sebagai pelarian.

Nasib malang keluarga, kesengsaraan yang dilalui mereka ini dibulatkan oleh La'udin melalui beberapa rangkap pantun di akhir hikayatnya:

Bukannya parang baru ditempa  
Parang Gujerat tidak berulu  
Bukan sekarang baru dimintak  
Sudah tersurat sejak dahulu.

Tidak boleh sekendak padi  
Sekam belah ditumbuk luluh  
Tidak boleh kehendak hati  
Kehendak Allah makanya sungguh.

Gurub di Aceh berkisi-kisi  
Kenaikan sultan Jamalul Alam  
Untung jangan diabisi  
Mintak doa siang dan malam.

Kenaikan sultan Jamalul Alam  
Rotan sampai di atas kota  
Mintak doa siang dan malam  
Belaku juha barang dipinta.

Tinggi gedung di Pulau Pisang  
Pancuran di atas bukit  
Baik-baik tuan bertenggang  
Sengsara bukan sedikit.

Dalam rangkap I, II dan III pantun di atas, terangkum falsafah hidup La'udin dalam mendepani kemelut hidup keluarganya. Walaupun menyalahkan manusia dan persekitaran serta situasi zamannya sebagai punca kejatuhan keluarganya, La'udin juga memautkan seluruh kemelut hidup keluarganya kepada takdir. Mengikutnya, dalam naungan takdir Allah (yang kuasaNya cukup mutlak), manusia mempunyai amat sedikit peranan dalam menentukan perjalanan hidupnya, katanya: “mana boleh

kehendak hati, kehendak Allah makanya sungguh". Demikian itulah juga ia melihat nasib keluarganya.

Teks ini menarik bukan sahaja dalam percubaannya membawa ke depan segala karenah yang berlaku di kalangan masyarakat niaga Nusantara pada abad perdagangan awal. Tetapi lebih penting ia berjaya membawa nafas baru dalam pengkaryaan sastera dengan keupayaannya melakar satu gambaran persekitaran, peristiwa, perwatakan yang lebih realistik dan berujukan.

Babak-babak hidup manusianya diperikan secara realistik, temanya didasarkan kepada isu-isu hidup seharian yang dihadapi masyarakat dagang seperti isu-isu tentang modal, untung-rugi, masalah (orang tengah/monopoli), bencana – perahu dan dagangan musnah dilanda ribut. Tema tersebut dihidupkan oleh satu siri konflik yang munasabah dan rumit (konflik untuk *survival*, konflik dengan Sultan, dengan Belanda dan yang paling lumrah, konflik dengan pesaing-pesaing niaga - bukan lagi konflik jahat-baik, hitam-putih yang mudah). Isu dan konflik didramatiskan melalui dialog yang segar bukan tipikal, dengan menggunakan bahasa seharian dengan loghat kedaerahan (sebuah kota kosmopolitan) yang sifatnya liberal dan demokratik (aspek gaya bahasa ini dikupas dengan lebih luas oleh Hadijah Rahmat 2001) bukan lagi bahasa istana yang feodalistik, diekspresikan melalui formula dan *cliche*.

Pun yang cukup menarik ialah gambarannya tentang protokol dan adab di istana sultan Banten, dan keperihalan tersebut mendapat sorotan istimewa oleh La'udin. Tidak seperti Munshi Abdullah yang menggambarkan dunia "dalam" sebagai selekeh dengan fiil raja yang tidak senonoh (lih. Noriah Taslim, 2007). La'udin memberi gambaran ruang "dalam" yang cukup tertib, terkawal dan bersusun lapis, sesuai dengan alam kebangsawanan yang dihuni oleh Sultan (hal. 22-24 MS). Mengapa aspek protokol istana ini diberi pemberatan, agak payah untuk diduga. La'udin tidak perlu begitu bersopan memerikan keperihalan istana, beliau tidak bernaung di bawah seorang raja. Namun, pengalamannya berada di dunia luar, menyaksikan pergelutan kuasa yang ligat di luar istana, mungkin mencorak persepsinya terhadap istana dan budaya kebangsawanan. Protokol istana yang di gambarnya dengan begitu rapi sebenarnya mungkin untuk menunjukkan betapa ironisnya kuasa yang ada pada Sultan Banten. Sultan Banten nampaknya hanya berkuasa di ruang "dalam"; hanya di sinilah tradisi dan adab feodal dipelihara dan ditegaskan. Di

luar, malah di pintu kotanya, dikawal oleh Belanda dan dunia luar bukan lagi tertib dan feodalistik, tetapi kacau-bilau dan penuh konflik; sebuah dunia kosmopolitan, liberal dan demokratik.

Namun, gambaran istana yang diperikan oleh La'udin adalah gambaran ruang istana yang lebih khas dan realistik, bukan lagi *formulaic*, stereotaip dan tipikal seperti gambarannya dalam karya-karya roman silam, kita baca sebahagian daripadanya (hal. 21-22 MS):

Serta sudah berkata-kata maka Nakhoda Muda berjalanlah sama-sama dengan Pangeran Kusumaningrat itu ke dalam kota Sultan Banten. Serta sampai di luar pintu kota basi itu maka ia berhenti duduk, kerana di situlah tempat orang jaga. Adapun orang yang jaga di sana sembilan orang pada tiap-tiap hari memegang senjatanya. Di sebelah pintu besi itu satu Kapitan Belanda dengan empat puluh orang soldadunya jaga di sana. Setelah dilihatnya Pangeran Kusumaningrat itu datang sama dengan Nakhoda Muda itu, maka kata segala pengawal yang jaga itu serta kapitan Belanda itu, "Apa sebab maka tuan pangeran membawak Nakhoda ke mari ini?" Maka kata pangeran, "Sebab maka hamba datang sama-sama Nakhoda ini karena Tuan Sultan menyuruh hamba membawak Nakhoda Muda ini mengadap Duli Tuan Sultan".

...

Adapun tempat Pakir Adam itu ada empat puluh orang yang pandai bermain dabus cara Arab dan memalu segala bunyi-bunyian dan pandai menari cara Jawa. Jikalau Sultan hendak melihat orang bermain-main, datanglah pada tempat Pakir Adam itu. barang apa permainan yang suka hati Sultan melihat, ada semuanya di situ.

Dalam babak yang sama, La'udin dengan teliti, merentetkan peraturan-peraturan untuk mengadap Sultan: pertamanya harus melalui pintu besi yang terkawal rapi; memasuki ruang tengah – tempat permainan raja; melepasi tempat tersebut ialah ruang perantara yang dikawal oleh dayang-dayang raja<sup>14</sup>, kemudian baru tiba ke ruang dalam, tempat semayam raja. Di setiap satu perenggan akan berlaku soal-jawab tentang tujuan kedatangan, tujuan tersebut disampaikan secara verbatim kepada penjaga perenggan seterusnya. Demikian berulang-ulang, hingga akhirnya baru dapat mengadap raja.

Gambaran La'udin yang begini teliti dan berulang-ulang sehingga menjemukan bacaan (yang tidak berlaku dalam pemerian-pemerian yang lain), mungkin sengaja dilakukan untuk menampakkan protokol istana yang terlalu meletihkan dan sia-sia. Melalui pengisahan ini dapat kita baca sikapnya yang mungkin tidak selesa terhadap tradisi dan protokol istana yang dilihatnya agak berlebihan dan memenatkan. Dan kalau betul itu adalah sikap La'udin, maka ini kita anggap sebagai satu perspektif baru seorang pengarang Melayu terhadap



istana yang selalunya dilihat sebagai model adab/tatalaku yang sempurna dan unggul.

Demikian terlihat beberapa keistimewaan kreatif La'udin – kompleksiti tema dan konflik yang dibangunkan, gambaran wataknya yang lebih individualistik, ketajaman pemerhatiannya dan sikapnya yang kritis terhadap isu-isu yang didepaninya, yang dapat menonjol karya ini sebagai sesuatu yang mendahului zamannya. Ini adalah ciri-ciri yang sering dikaitkan dengan karya-karya transisi tradisional-modern.

Alihan tumpuan daripada istana sentrik kepada keperihalannya rakyat biasa, memberi kesegaran kepada karya Melayu yang sebelumnya jarang memberi pemberatan kepada gambaran individu (dengan segala idiosinkrasi dan kelainan) biasa sebagai fokus penceritaan. Kemungkinan untuk berganjak daripada mod pengkaryaan lampau (yang biasanya terbendung kepada persekitaran istana, atas titah raja/untuk menyukakan raja), ke mod penceritaan yang lebih demokratik, liberal dan realistik, adalah sebahagiannya berpunca daripada latar budaya baru (budaya kosmopolitan) dan budaya ilmu (seperti disebut di awal) yang melatari percambahan karya-karya ini.

Situasi pengkaryaan yang baru ini bukan sahaja membuka pengarang kepada model-model penulisan baru, tetapi juga membuka mindanya kepada arus kebebasan kreatif yang lebih longgar. Kebebasan kreatif inilah yang memungkinkan pengarang mengeksplorasi potensi kreativiti untuk berganjak kepada karya-karya yang benar-benar segar dan inovatif pada abad ke-20, abad persejarahan sastra moden yang sebenar.

#### NOTA

- <sup>1</sup> Mengikut Marsden, 1830: 1, mungkin ditulis secara berperingkat oleh anak-anak Nakhoda Muda yang lain; La'udin mungkin hanya melengkapkannya/menyusun kembali peristiwa-peristiwa yang didengarnya daripada saudara-saudaranya. Pandangan ini agak wajar kerana sewaktu keluarga ini lari dari Semangka, La'udin masih amat kecil dan tak mungkin mengingat atau memahami semua peristiwa yang dilalui keluarganya, lih. *Hikayat Nakhoda Muda* hal.48/55/MS).
- <sup>2</sup> Untuk keperihalannya tentang abad peralihan dan sastra peralihan, lih. Noriah Taslim, 2014.
- <sup>3</sup> Untuk mengelak kontroversi tentang definisi istilah ini, yang dimaksudkan dengan “realistik” di sini merujuk kepada realisme objektif yakni realiti empirikal yang boleh dibuktikan secara konkrit

- <sup>4</sup> Merujuk kepada munculnya keghairahan di Eropah untuk mengkaji budaya vernakular, sebagai arus-balik terhadap minat klasik yang hanya cenderung mengkaji budaya besar Greek dan Roman.
- <sup>5</sup> Di Tanah Melayu orientalis yang terkemuka dan paling produktif ialah R.O.Winstedt dan R.J. Wilkinson; di Sumatera kita ketemu dengan Snouck Hurgronje dan William Marsden.
- <sup>6</sup> Termasuk penulisan sejarah yang dicontohi oleh syair/hikayat perang, penulisan biografi/autobiografi dan catatan perjalanan.
- <sup>7</sup> Menulis buku dan nahu bahasa Melayu (1812); Marsden dikatakan belajar tentang bahasa dan budaya Melayu daripada Raden Temenggung Wiradiningrat (dlm *Hikayat Nakhoda Muda* beliau dikenali sebagai Raden Si Naka, pegawai yang membantu Nakhoda Lela semasa beliau di Bangkahulu), dan Pangeran Lingang Alam dari Madura (lih. Kathirithamby-Wells, 1980).
- <sup>8</sup> Atau memiripinya, mungkin juga “memoir” seperti yang dijudulkan oleh Marsden, 1830
- <sup>9</sup> Asimilasi budaya yang lebih aktif, berlaku agak lewat, mungkin pada abad ke-19 seperti yang terbukti dalam tulisan Abdullah Munshi, lih. Noriah Taslim, 2007
- <sup>10</sup> *Syair Sipelman*, mungkin naratif faktual yang lebih awal, tertulis selepas perang Mengkasar, pada tahun 1666.
- <sup>11</sup> Mengikut Kathirithamby-Wells (1980:27): “The intensification and expansion of pepper cultivation by British and their efforts to boost immigration into their territories, particularly during the presidency period (1760-85), made Benkulen a haven for Malay-Indonesian communities who found themselves at odds with Dutch political and economic expansion in the rest of the Archipelago”.
- <sup>12</sup> Benkulen/Bangkahulu memang menjadi tumpuan pendidikan anak-anak bangsawan. Salah seorang daripadanya ialah bangsawan Madura, Raden Temenggung Wiradiningrat (lih. juga nota -7, di atas) yang dihantar ke Benkulen oleh ayahandanya untuk mempelajari budaya hidup Inggeris, lih. laporan Marsden, dalam Kathirithamby-Wells, 1980: 25.
- <sup>13</sup> Contohnya, sikapnya terhadap Kapten Forrest, pegawai Inggeris yang disuruh bantu oleh Belanda; peperangan saudara antara Sultan Banten (yang disebelahi Belanda) dan Ratu Bagus Buang.
- <sup>14</sup> Di banyak istana, contohnya istana Aceh zaman Iskandar Muda, (lih. Reid, 1995) mereka ini juga adalah pengawal peribadi Sultan, kerana Sultan biasanya tidak meletakkan lelaki sebagai pengawal ruang dalam kerana cemburu mereka akan mengganggu gundik-gundik raja.

#### RUJUKAN

- Anderson, J. 1971. *Acheen and Ports on the North and East Sumatera*. K. Lumpur & Singapore: OUP.
- Brown, C. 2003. *A Short History of Indonesia*. Australia: Allen and Unwin.
- Drewes, G. W. J. 1961. *De Biografie van een Minangkabasen Peper handeleelaar in de Lampongs*. Leiden: KITLV Press.
- Hadjiah Rahmat. 2001. *In Search of Modernity*. Kuala Lumpur: The Academy of Malay Studies, Univ. Malaya.

- Johns, A. H. 1979. Genesis of a Modern Literature in Indonesia, in his, *Cultural Options and the Role of Tradition*. Australia: ANU Press.
- Kathirithamby-Wells. 1980. A note on Malay 'Historical' Writings in Benkulen during the British Era. *Indonesian Circle* 22 Jun: 24-30.
- Maier, H. M. J. 1988. In the Center of Authority. Ithaca: Studies in Southeast Asia. Southeast Asian Program, Cornell University.
- Marsden, W. 1811. *A History of Sumatera*. London: Cox and Baylis.
- Marsden, W. 1830. *Memoirs of a Malayan Family Written by Themselves*. London: Longman.
- Marsden W. 2012. *A History of Sumatera* (new edition) New York: Cambridge Univ. Press.
- Milner, A.C. 1982. *Kerajaan: Malay Political Culture on the Eve of Colonial Rule*. Tucson, Arizona: the University of Arizona Press.
- Noriah Taslim. 2007. From Ethnocentrism to Eurocentrism: Positioning Abdullah Munsyi's discourse on the Malays. *Journal of Malay Literature* 20: 27-35.
- Noriah Taslim. 2014. Budaya niaga dan sastra Melayu abad transisi. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu* 7(2): 14-20.
- Reid, Anthony, sunt. 1995. *Witness to Sumatera*. New York: OUP.
- Skinner, C. 1978. Transitional Malay literature: Part I: Ahmad Rijaluddin and Munsyi Abdullah, *BKI* 134(4): 466-487.
- Skinner, C. 1982. *Hikayat Perintah Negeri Bengkulu*. The Hague Nijhoff: Bibliotheca Indonesia, KITLV 22.
- Teuku Iskandar. 1965. *Hikayat Nakhoda Muda*, *Dewan Bahasa, Ogos*, 347-353.

Noriah Taslim  
Felo Penyelidik Kanan  
Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA)  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM, Bangi, Selangor, MALAYSIA.  
E-mail: tnoriah@gmail.com